# Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 1A
# Klip Video 6

| | |
|---|---|
| **Pakej MEKAR** | 1A |
| **Unit 4** | Rumah Kita |
| **Tajuk Klip Video** | Aktiviti di Rumah |
| **Fokus Interaksi Lisan** | Perbincangan |
| **Aspek Bahasa** | Kata kerja dan Kata Nama- bahagian dalam rumah |
| **Objektif** | Murid dapat mengikuti perbincangan dan memberikan pandangan mengenai aktiviti yang dilakukan di rumah dengan bimbingan. |

| STRATEGI PEMBELAJARAN | BAHAN/CATATAN |
|---|---|
| **Aktiviti**<br><br>Murid:<br>a. menjelaskan aktiviti yang dilakukan di rumah berdasarkan lukisan mereka<br>b. menjawab soalan-soalan guru<br>c. menonton klip video 'Aktiviti di Rumah'<br>d. memberi pandangan berdasarkan soalan-soalan guru<br>e. menonton klip video sekali lagi<br>f. secara berkumpulan berbincang mengenai ruang yang sesuai untuk barang-barang di rumah<br>g. menggunakan Kad Panduan Perbincangan semasa perbincangan<br>h. melengkapkan borang penilaian.<br><br>**Saranan Aktiviti Lanjutan**<br><br>Murid:<br>a. melukis atau menulis kosa kata di kad-kad kecil aktiviti yang dilakukan di rumah<br>b. melekatkan kosa kata atau gambar tersebut di 'tembok kosa kata'<br>c. menulis sebuah dialog ringkas aktiviti yang dilakukan dengan keluarga di rumah. | **Catatan**<br>• Guru meminta murid melukis satu gambar ativiti yang dilakukan di rumah bersama keluarga sebagai kerja rumah<br>• Guru meminta murid berkongsi di kelas<br>• Guru bertanyakan soalan<br>Cth:<br>  • Mengapakah kamu melakukan aktiviti itu?<br>  • Apakah kebaikannya?<br>• Guru meletakkan 'Kad Panduan Perbincangan' (KPP) diletakkan di atas meja<br>• Murid boleh membuka KPP untuk membantu perbincangan mereka<br>• Guru boleh menyediakan ruang 'tembok kosa kata' bagi murid menampal gambar<br><br><u>Soalan Saranan</u><br>1. Video ini mengenai apa?<br>2. Mengapa mereka tidak setuju dengan warna hitam? Adakah kamu juga tidak setuju?<br>3. Mengapa mereka hendak menggunakan kedua-dua jenis pewarna, iaitu krayon dan pensel warna?<br>4. Adakah mereka bekerjasama?<br>5. Mengapa semasa berbincang kita tidak boleh bercakap dalam masa yang sama?<br><br>**Bahan**<br>• Kad Panduan Perbincangan<br>• Lampiran – Aktiviti Perbincangan<br>• Senarai Semak (Guru dan Murid) |

## Contoh Aktiviti Perbincangan 'Bahagian Rumah'

Teliti gambar-gambar di bawah ini. Kemudian, bincangkan bahagian rumah yang paling sesuai untuk kita meletakkan barang-barang itu. Bincangkanlah dengan rakan kumpulan kamu. Kemudian, gunting dan tampal pada bahagian rumah itu.



## Contoh Aktiviti Perbincangan 'Bahagian Rumah'

Nama: ______________________________________________

Kelas: __________________ Tarikh: ______________________



**Contoh Kad Panduan Perbincangan 'Bahagian Rumah'**

| |
|---|
| Saya mahu meletakkan ______________ di ____________. |
| |
| Mengapa awak mahu meletakkan ___________ di situ? |
| |
| Saya meletakkan__________ di situ kerana ___________. |
| |

Mengapakah awak bersetuju dengan __________?
(nama rakan)

Saya tidak setuju. Saya mahu meletakkan__________ di __________.

Mengapakah awak tidak bersetuju dengan pilihan __________?
(nama rakan)

## Aktiviti Perbincangan 'Bahagian Rumah'

## Borang Rubrik: Penilaian Guru

Nama: ______________________________

Kelas: ______________ Tarikh: ______________

| Rubrik Kemahiran Interaksi Lisan – Perbincangan (Individu) | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Murid dapat ... | | ★★★ | ★★ | ★ |
| 1 | menyatakan pandangan mengenai bahagian rumah. | | | |
| 2 | mendengar pandangan rakan mengenai bahagian rumah. | | | |
| 3 | menyatakan sebab-sebab tidak setuju dengan sopan dan jelas. | | | |
| 4 | bercakap mengikut giliran. | | | |
| 5 | menggunakan sebutan baku. | | | |

Maklum balas guru:

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

## Aktiviti Perbincangan 'Bahagian Rumah'

## Borang Rubrik: Penilaian Kendiri

Nama: ______________________________________________

Kelas: __________________ Tarikh: ______________________

| Semasa berbincang saya dapat ... | | ★★★ | ★★ | ★ |
|---|---|---|---|---|
| 1 | menyatakan pandangan mengenai bahagian rumah. | | | |
| 2 | mendengar pandangan rakan mengenai bahagian rumah. | | | |
| 3 | menyatakan tidak setuju dengan sopan. | | | |
| 4 | bercakap mengikut giliran. | | | |
| 5 | menggunakan sebutan baku. | | | |